

BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL



BOOK TALK SERIES: NUTRITION WRITING



Stay motivated during online class!


- muka 2



Hikmah berpuasa

- muka 5

- muka 7



Pembuka Bicara

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran kali ini (Mac-April), Perpustakaan UNISEL telah mengorak langkah dengan pertama kalinya mengadakan program secara maya. Program yang telah dilaksanakan adalah Siri Bicara Buku (*Book Talk Series*). Program ini adalah dari cetusan idea YBhg Prof. Dr. Md Sidin bin Ahmad Ishak iaitu Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri) Universiti Selangor. Sepanjang bulan Mac sehingga April, Perpustakaan UNISEL telah menjayakan dua siri untuk program ini. Siri Bicara Buku secara maya ini menggunakan platform *Facebook Live* dan *Youtube Streaming*.

Selain itu, Perpustakaan UNISEL juga terlibat dengan dua program yang bekerjasama dengan organisasi luar dan ia juga diadakan secara maya. Dua program ini adalah Festival Bercerita Putrajaya 2021 dan MBBY International Conference on Children and Books 2021.

Pada 13 April 2021, bermulanya kita menyambut bulan puasa. Pihak Buletin Perpustakaan UNISEL mengucapkan selamat menyambut Ramadan al-Mubarak dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran, semoga kita dapat menyempurnakan ibadah puasa & moga bertakwa serta menjalani ibadah dengan penuh keikhlasan, diberkati dan dirahmai oleh Allah S.W.T.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN

Editor

zairil@unisel.edu.my

Sidang Pengarang

PENASIHAT

Hafiz Abdul Rahim

EDITOR & PEREKA GRAFIK

Zairil Azwan Osman

PENULIS & JURUFOTO

Pustakawan
Perpustakaan UNISEL

PENGEDARAN

Norliza Abd Hamid

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL

Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-55223596
Emel: zairil@unisel.edu.my

Isi Kandungan

- Festival Bercerita Putrajaya 2021 **1**
- Book Talk Series: Nutrition Writing **2**
- MBBY International Conference on Children and Books 2021 **3**
- Siri Bicara Buku: Adab Sopan Penuntut Ilmu **4**
- Stay motivated during online class! **5**
- Hikmah berpuasa **7**
- Program Literasi Maklumat **9**
- Aktiviti Perpustakaan UNISEL **10**
- Album Pelawat & Lawatan **14**
- Ulasan buku **17**



FESTIVAL BERCEKITA PUTRAJAYA 2021

Universiti Selangor yang diwakili oleh Perpustakaan UNISEL berkolaborasi dengan Malaysian Board on Books for Young People (MBBY) dan Perbadanan Putrajaya telah berjaya menganjurkan **Festival Bercerita Putrajaya 2021 (Putrajaya Storytelling Festival 2021)**. Festival ini berlangsung selama dua hari iaitu pada 20 dan 21 Mac 2021. Festival ini dilangsungkan melalui aplikasi Zoom dan juga ditayangkan melalui platform Facebook Live.

Festival ini dihoskan oleh Samsul Khamariah Hamzah dan Mimi Salleh. Antara pencerita yang terlibat dalam festival pada hari pertama adalah Lim Lay Koon, Heidi Shamsudin, Mahaya Md Yassin dan penampilan istimewa dari luar negara iaitu Beatriz Montero dari Sepanyol. Pada hari kedua, penceritanya adalah

Naemah Ismail, Tooh Cheon Ean, Mohana Gill dan Nor Azhar Ishak. Kesemua pencerita menceritakan kisah yang sangat menarik yang berlatarbelakangkan Putrajaya.

Festival bercerita secara maya ini sedikit sebanyak dapat mengisi masa lapang kanak-kanak ketika berdepan dengan pandemik Covid-19. Selain itu, ia dapat memupuk minat membaca dikalangan kanak-kanak dan ini mungkin adalah salah satu cara untuk membina budaya ilmu di dalam sesebuah masyarakat ialah melalui amalan membaca yang berterusan.

Festival Bercerita Putrajaya 2021
Putrajaya Storytelling Festival
20 - 21 Mac 2021

20 Mac 2021 (Sabtu), 3.00-5.00 petang
Hos : Samsul Khamariah Hamzah

21 Mac 2021 (Ahad), 3.00-5.00 petang
Hos : Mimi Salleh

Masuk PERCUMA

Anjuran Bersama: UNISEL, MBBY, Putrajaya
Teknikal: unisel
Siaran secara ZOOM sila imbas kod ini
<https://www.facebook.com/groups/kumpulanmbby/>





BOOK TALK SERIES
SIRI BICARA BUKU
NUTRITION WRITING

Presenting:
MADAM MOHANA GILL
IBBY HONOUR LIST 2020

Mohana Gill shares her adventures through award-winning book on nutrition and healthy diet to educate, entertain and inspire.

Moderated by:
PROF. DR. MD SIDIN BIN AHMAD ISHAK
DEPUTY VICE-CHANCELLOR UNISEL

Introduction and Commentary by:
DATO' AHMAD REDZA BIN AHMAD KHAIRUDDIN
MBBY PRESIDENT

Date : 26 March 2021 Time : 3.00pm - 4.30pm

JOIN US IN CONVERSATION ON FACEBOOK
LIVE Perpustakaan Universiti Selangor
<https://www.facebook.com/unisel.library>



BOOK TALK SERIES:

NUTRITION WRITING

26 Mac 2021 - Perpustakaan UNISEL telah berjaya menganjurkan program Siri Bicara Buku (*Book Talk Series*) yang pertama pada tahun 2021. Siri Bicara Buku ini ditayangkan secara maya melalui platform *Facebook Live*.

Tetamu untuk Siri Bicara Buku yang pertama ini adalah Puan Mohana Gill yang membentangkan topik yang bertajuk *Nutrition Writing*. Beliau adalah pemenang anugerah buku berkenaan nutrisi dan diet sihat untuk mendidik, menghibur dan memberi inspirasi. Beliau juga tersenarai sebagai *IBBY Honour List 2020*.

Moderator untuk Siri Bicara Buku ini adalah Prof. Dr. Md Sidin bin Ahmad Ishak iaitu Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri) Universiti Selangor dan ucapnama untuk program ini disampaikan oleh Dato' Ahmad Redza bin Ahmad Khairuddin iaitu Presiden Malaysian Board on Books for Young People (MBBY).

Melalui inipati program sebegini, dapatlah kita mengambil berat tentang nutrisi makanan yang kita ambil terutama kepada kanak-kanak serta memupuk minat untuk membaca dikalangan masyarakat kita.





MBBY INTERNATIONAL CONFERENCE ON CHILDREN AND BOOKS 2021

Universiti Selangor yang diwakili oleh Perpustakaan UNISEL bekerjasama dengan Malaysian Board on Books for Young People (MBBY) telah menjayakan program **MBBY International Conference on Children and Books 2021** pada 16 dan 17 April 2021. Persidangan ini dijalankan secara bersemuka dengan pematuhan SOP di Perpustakaan Kuala Lumpur dan juga secara maya menggunakan platform *Facebook Live*.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur iaitu Ybgh. Datuk Seri Haji Mahadi bin Che Ngah. Antara penceramah utama di dalam persidangan ini adalah Dr. Sharifah Aishah Osman dari Universiti Malaya dan Zhang Mingzhou iaitu Presiden International Board on Books for Young People (IBBY).

Penceramah lain yang terlibat dalam persidangan ini adalah Prof. Ruzy Suliza Hashim (Malaysia), Lim Jeong Jin (Korea Selatan), Etsuko Nozaka (Jepun), Enrique Paez (Sepanyol), Dr. Patricia Hardwick (Amerika Syarikat), Cik Nisha K. (Malaysia), Puan Heidi Shamsuddin (Malaysia), Cik Sue Yuen Quek (Malaysia), Dr. Lalita Sinha (Malaysia), Dr. Florence Toh (Malaysia), Puan Poh Sze Lyn (Malaysia) dan Encik Nor Azhar Ishak (Malaysia).

Semoga dari penganjuran persidangan maya seumpama ini dapat menjadi alternatif terbaik kepada para penyelidik untuk bertukar idea dan pandangan ketika berdepan dengan cabaran Covid-19.

MBBY INTERNATIONAL CONFERENCE ON CHILDREN AND BOOKS 2021
IN CONJUNCTION WITH KUALA LUMPUR WORLD BOOK CAPITAL 2020
THEME : *Stories For Survival*

OFFICIATED BY
YBHG. DATUK SERI HAJI MAHADI BIN CHE NGAH
MAYOR OF KUALA LUMPUR

KEYNOTE SPEAKERS

DR. SHARIFAH AISHAH OSMAN
UNIVERSITY MALAYA, MALAYSIA

ZHANG MINGZHOU
PRESIDENT, INTERNATIONAL BOARD ON BOOKS FOR YOUNG PEOPLE

April 16 & 17, 2021
FRIDAY & SATURDAY
Kuala Lumpur Library
ONSITE & ONLINE

REGISTER NOW!
OR GO TO
<https://tinyurl.com/MBBYConference>

SCAN ME





SIRI BICARA BUKU: ADAB SOPAN PENUNTUT ILMU

22 April 2021 - Untuk yang kali kedua, Perpustakaan UNISEL telah berjaya menganjurkan program Siri Bicara Buku (*Book Talk Series*) pada tahun 2021. Siri Bicara Buku ini ditayangkan secara maya melalui platform *Facebook Live* dan *Youtube*.

Tetamu untuk Siri Bicara Buku yang kali kedua ini adalah Dr. Ahmad Zaki bin Abdul Latif iaitu Pengarah Pusat Islam UNISEL. Buku yang ingin dikupas pada Siri Bicara Buku kali ini adalah hasil karyanya sendiri yang berjudul 'Adab Sopan Penuntut Ilmu'. Buku ini telah diterbitkan oleh UNISEL Press pada tahun 2020.

Moderator untuk Siri Bicara Buku ini adalah Prof. Dr. Md Sidin bin Ahmad Ishak iaitu Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri) Universiti Selangor. Menariknya Siri Bicara Buku kali ini, penonton yang bertanyakan soalan mendapat hadiah kejutan dari penulis buku ini sendiri.

Melalui kupasan penulis mengenai buku ini para penonton diperkenalkan dengan adab-adab untuk setiap perkara yang kita selalu lakukan setiap hari.





Photo by Nick Morrison on Unsplash

STAY MOTIVATED DURING ONLINE CLASS!

by *Nur-Ileana Hani Roslidali*

Online classes are a “new norm” for many students as the Covid-19 pandemic continues to spread around the world. When the virus started to spread globally in early 2020, many countries have decided to temporarily close all education institutions and move classes online. Since most students are used to physical classes, attending online classes is a new experience for them.

With the world still fighting against the pandemic, most universities continue online classes so that students would not spread or get infected by the virus. Some students are adapting to online classes very well while some are still struggling to get used to the “new norm”. One of the reasons that could contribute to this issue is the loneliness felt due to the absence of physical interaction. When a student is alone, they get easily distracted and confused as they could not communicate with their lecturer or friends immediately.

On the other hand, a change in schedule also contributes to a student’s struggle with online learning. When classes are carried out online, educators become flexible with the time they have. Some educators follow the given schedule while some conduct classes anytime they’re free. This makes students confused as they do not know when their class is starting or when they should prepare for the class.

Due to this, some students would lose their motivation during online classes. They will not pay attention to the lecturer and will not participate in discussions during class. This causes the student to fall behind and lose interest in studying. However, there are ways to overcome this issue and continue to motivate students in online classes.

One way to motivate students is finding a proper place to study. Sit at areas like the study table or the dining area where you could feel like you are in a classroom. If a student attends online classes on the bed, they will not have the “classroom” feel and might have a tendency to fall asleep in class. By finding a proper spot to learn, students can prepare themselves for classes like how they did during physical classes. Another way to stay motivated during class is to plan your schedule. Make a schedule where you allocate your classes and also time for other things such as house chores and self-care. When doing so, you will have time for classes and also time to rest and rejuvenate.

"One way to motivate students is finding a proper place to study."

Furthermore, always remember to take breaks. Some students tend to forget to this which causes them to feel very tired and fatigue. They will also feel like there’s too much work and less time to spend for other activities such as taking a nap or spending time with the family. Therefore, always have time to rest and later you can continue with tasks or assignments.

Lastly, students should reward themselves. These rewards can be in any form like praises, short naps, chocolates, snacks, and many more. With this, students create a positive energy which can motivate them to continue doing a good job in their work.



Photo by Miera Zulyana on malaymail.com

Staying motivated in online class is not easy as students are alone trying to adapt to the new learning style. However, with these simple tips, any student can motivate themselves in online classes.

References

- 8 Ways to Stay motivated when studying online. (n. d.). Retrieved from <https://canada.national.edu/8-ways-to-stay-motivated-when-studying-online/>
- Dave. (Apr 10,2020). 10 tips to get you motivated for online classes. Retrieved from <https://productcoalition.com/how-to-be-successful-at-taking-online-classes-189029d59612>
- Rozana Sani. (July 1,2020). Staying motivated with online learning. *New Straits Times*. Retrieved from <https://www.nst.com.my/education/2020/07/605116/staying-motivated-online-learning>
- Turner, S. (April 3, 2020). Many students lack motivation for online learning. Retrieved from <https://granitebaytoday.org/distance-learning-presents-challenges-to-student-education/>





Sumber: ummahtoday.com.my

HIKMAH BERPUASA

oleh Pustakawan Perpustakaan UNISEL

Ramadan 2021 bersamaan 1442 hijrah melakarkan sejarah tersendiri. Berpuasa dalam musim wabak yang masih belum menampakkan impak pemulihan banyak mengajar seluruh umat manusia bukan sahaja di Malaysia bahkan seantero dunia. Namun begitu, sebagai umat Islam, berpuasa di bulan Ramadan merupakan rukun Islam ketiga yang wajib dilaksanakan. Puasa merupakan ibadah teragung yang mempunyai seribu satu hikmah dan terkandung di dalamnya seribu rahmat buat umat Islam.

Amalan berpuasa sesekali tidak memudaratkan malah mampu menyembuh dan mencegah pelbagai penyakit sepertimana kajian yang telah dibentangkan oleh sekumpulan penyelidik dan pakar sains kesihatan antarabangsa semasa di Kongres Antarabangsa mengenai Kesihatan dan Ramadan di Casablanca, Maghribi pada tahun 1994.

Hasil kajian yang telah dibuat oleh pengkaji terkemuka dari Universiti Hospital di Amman, Jordan, Dr Soliman, menyatakan dengan berpuasa mampu memberi kesan positif kepada metabolisme sekaligus mencegah penyakit yang berpunca daripada lebihan lemak dan gula.

Sebagai umat Islam, kita diwajibkan berpuasa bukan mengharapkan kesan kepada faktor kesihatan semata-mata, namun yang lebih utama meningkatkan tahap ketakwaan serta membuktikan keimanan kita dalam melaksanakan suruhan yang Maha Esa. Namun begitu, dalam konteks

manusia, pelbagai hikmah dan ganjaran sama ada secara fizikal mahupun spiritual akan kita perolehi hasil daripada berpuasa.

Antara hikmah yang bakal dikecapi oleh mereka yang berpuasa adalah seperti:

1- Mencapai tahap ketakwaan kepada maha pencipta

Sepertimana firman Allah dalam Al-Quran yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa.”

(QS. Al Baqarah: 183)

Dalam ayat tersebut jelas dinyatakan kewajipan umat Islam untuk berpuasa sekaligus membuktikan ketakwaan kita kepada Allah S.W.T.

2- Meninggalkan seketika urusan dunia dan menginsafi kesusahan orang lain.

Dengan berpuasa secara purata sekitar 8 jam malahan ada negara yang berbelas jam berpuasa, mengajar kita menahan diri dari lapar, dahaga dan perkara-perkara yang melalaikan termasuk urusan dunia yang tidak penting. Pada malam hari pula, kita dituntut untuk memperbanyakkan tadarus, solat sunat, dan berzikir. Semasa kita menahan lapar dan dahaga, manusia secara tidak langsung akan dapat merasai bagaimana jerit payahnya orang-orang yang tidak berkemampuan dari segi makan minum dan keperluan harian. Sekaligus akan menimbulkan keinsafan kepada mereka.

3- Puasa menghapuskan dosa




Allah S.W.T telah menjanjikan akan menghapuskan dosa-dosa hambaNya yang berpuasa pada bulan Ramadan selagimana hamba-hambaNya menjauhi dosa-dosa besar. Dosa yang dimaksudkan di sini adalah dosa-dosa kecil.

Bertepatan dengan hadis Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

"Solat lima waktu, dari hari Jumaat ke Jumaat (berikutnya) dan Ramadhan ke Ramadhan (berikutnya) akan menghapuskan (dosa-dosa) di antara tempoh tersebut apabila menjauhi dosa-dosa besar."

(Hadis Riwayat Muslim, No.233, At-Tirmizi, No. 214)

Antara bahan bacaan dan rujukan yang terdapat di Perpustakaan UNISEL:



Sumber: www.hmetro.com.my

Puasa bukan sahaja sekadar menahan lapar dan dahaga malahan mempunyai hikmah dan ganjaran yang terlalu besar kepada hamba-hambanya. Oleh yang demikian, seharusnya kita umat Islam sama-sama mengejar seribu satu rahmat dalam bulan yang mulia ini. Semoga Ramadhan kali ini memberi sejuta pengertian dan hikmah kepada semua umat muslimin dan muslimat.

Rujukan

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2021, April 22). *Tiga dimensi hikmah puasa Ramadan*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/04/697633/tiga-dimensi-hikmah-puasa-ramadan>.

Hikmah puasa dari segi kesihatan. (n.d.). Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Kedah. <https://mufti.kedah.gov.my/index.php/10-tinta-ilmiah/8-hikmah-puasa-dari-segi-kesihatan>.

Kelebihan puasa di bulan Ramadhan. (2019, May 10). Portal myHadith. http://myhadith.islam.gov.my/index.php/bm/semua-al-manhal_altanwir/984-kelebihan-puasa-di-bulan-ramadhan

Program Literasi Maklumat



08 MAC 2021

Program Literasi Maklumat, modul *Library Skill Basic & Advance* serta *Online Database & Free Access Collection* yang disertai oleh 3 orang penolong penyelidik dan pensyarah En Nor Effuandy B. Pfordten dari Fakulti Perniagaan & Perakaunan. Sesi ini dikendalikan oleh Encik Zairil Azwan bin Osman.

12 MAC 2021

Program *Interactive Workshop: For Using Online Database & Free Access Collection* bersama Fakulti Sains Kesihatan (FSK) melalui atas talian menggunakan platform Google Meet. Program ini disertai oleh staf FSK seramai 40 orang. Sesi ini dikendalikan oleh Encik Zairil Azwan bin Osman.

unisel **UNIVERSITI SELANGOR**



FSK **FAKULTI SAINS KESIHATAN**
Faculty of Health Sciences

INTERACTIVE WORKSHOP
FOR USING ONLINE DATABASE & FREE ACCESS COLLECTION


3.00 pm
12th March 2021

Presenter:
Mr Zairil Azwan Osman
UNISEL Librarian

How to join?
Visit fsk.unisel.edu.my/seminars-activities



Aktiviti Perpustakaan UNISEL



01 MAC 2021

Mesyuarat secara maya bersama wakil Pejabat Sumber Manusia & Pejabat Kewangan menggunakan aplikasi Zoom. Agenda yang dibincangkan adalah berkenaan perkhidmatan pinjaman buku melalui pos. Ini adalah salah satu inisiatif perpustakaan supaya pelajar di luar Lembah Klang juga dapat meminjam buku dalam mana berdepan dengan cabaran Covid-19.



03 MAC 2021

Serahan buku kepada pelajar di pos pengawal keselamatan di Kampus Bestari Jaya. Permohonan pinjaman dibuat melalui borang atas talian.



01 APRIL 2021

Wakil-wakil Perpustakaan ke Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) UNISEL yang disaksikan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan wakil Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI).

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



09 APRIL 2021

Majlis menyambut bulan Ramadan dan bacaan Yasin 1442 Hijrah. Bacaan Yasin dan takzilah di sampaikan oleh Bilal Masjid UNISEL, Ustaz Mohd Sofyan bin Razali.

15 APRIL 2021

Staf Perpustakaan UNISEL terlibat bersama Majlis Prihatin Wanita Unisel Universiti Selangor (MAWAR) dalam penyediaan bubur lambuk untuk diagihkan kepada semua staf UNISEL di kedua-dua kampus.



20 APRIL 2021

Staf Perpustakaan bersama staf pembersihan menyiram pokok bunga di dalam dan di luar bangunan Perpustakaan UNISEL.

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



22 APRIL 2021

Staf perpustakaan menyertai Program Jom Baca Untuk 10 Minit yang diadakan secara serentak di seluruh Malaysia. Program ini telah bermula pada jam 11.00 pagi sehingga 11.10 pagi. Staf perpustakaan telah berkumpul di Youth Conner untuk menjayakan program membaca ini disamping mengikut SOP dan menjaga jarak antara satu sama lain.

23 APRIL 2021

Perpustakaan UNISEL telah dijemput untuk menyertai satu forum iaitu Forum Komuniti Bestari. Topik forum ini adalah Sambutan Hari Buku Antarabangsa: #UNISELMEMBACA bersempena Hari Buku Antarabangsa. Forum ini adalah anjuran dari Pusat Jaringan Komuniti (COMNET) Universiti Selangor. Antara ahli panel di dalam forum ini adalah Encik Ismail bin Hashim (Pensyarah, Jabatan Komunikasi FCVAC), Encik Ts Izwan Suhadak bin Ishak (Pengarah, COMNET) dan Encik Zairil Azwan bin Osman (Pustakawan, Perpustakaan UNISEL).

FORUM KOMUNITI BESTARI
#UNISELMEMBACA
Sempena Hari Buku Antarabangsa

ISMAIL BIN HASHIM
PENSYARAH
JABATAN KOMUNIKASI FCVAC

TS IZWAN SUHADAK BIN ISHAK
PENGARAH
PUSAT JARINGAN KOMUNITI (COMNET)

ZAIRIL AZWAN OSMAN
PUSTAKAWAN UNISEL

Ainul Mardhiah binti Sulaiman
Moderator

23 APRIL 2021 | JUMAAT
LIVE COMNET UNISEL
10 PAGI - 11 PAGI

comnet unisel@library unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



28 APRIL 2021

Program Penyediaan Juadah Berbuka sempena Ihya' Ramadan 1442H dan agihan bubur kacang kepada pengurusan tertinggi dan staf UNISEL.

Album Pelawat & Lawatan



01 MAC 2021

Sesi pertemuan dan perbincangan bersama Dekan FESS, Dr Muhammad bin Daoh



02 MAC 2021

Sesi kunjungan Ketua Perpustakaan ke Fakulti Sains Kesihatan yang diketuai oleh Dekan, Dr. Mohd Nazief bin Samat.



02 MAC 2021

Sesi kunjungan Ketua Perpustakaan ke Fakulti Perniagaan & Perakaunan yang diketuai oleh Dekan, Prof. Dr. Norhayah binti Zulkifli.



02 MAC 2021

Sesi kunjungan Ketua Perpustakaan ke Pusat Pengajian Siswazah yang diketuai oleh Dekan, Prof Madya Dr Setyawan Widyarto

Album Pelawat & Lawatan



10 MAC 2021

Lawatan Jabatan Pengurusan Aset dan Pembangunan Perniagaan (JPA) ke Perpustakaan bagi melihat ruang-ruang yang tidak digunakan.



11 MAC 2021

Menerima sumbangan koleksi buku peribadi daripada Mantan Ketua Pustakawan, Puan Hajah Fauziah binti Abdul Rahman



17 MAC 2021

Lawatan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Klang bagi tujuan penilaian harta Universiti.



31 MAC 2021

Sesi perbincangan ringkas dengan CGS yang diwakili oleh Timbalan Dekan, Prof Madya Dr. Gunasegaran Karuppannan. Membincangkan perkara berkenaan aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan bersama Perpustakaan Unisel dalam masa terdekat.

Album Pelawat & Lawatan



06 APRIL 2021

Lawatan YBhg. Prof. Dr. Md Sidin bin Ahmad Ishak TNC APJI ke Perpustakaan UNISEL Kampus Shah Alam.



15 APRIL 2021

Menerima sumbangan kurma dari Badan Kebajikan Staf Universiti Selangor (BKSU) sempena menyambut bulan Ramadan.



19 APRIL 2021


Lawatan tapak oleh wakil Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan (JPP) dan syarikat Suria & Sonne Sdn. Bhd. ke bumbung Perpustakaan Unisel Kampus Bestari Jaya. Perpustakaan merupakan premis pertama di UNISEL yang dipilih untuk menggunakan teknologi tenaga solar.



27 APRIL 2021


Sesi penyerahan empat naskah buku hasil tulisan ahli-ahli Jawatankuasa Keceriaan, Pusat Pengajian Asasi dan Umum (PADU) kepada Perpustakaan UNISEL.

Ulasan Buku




- Judul | **The Sage Handbook of Qualitative Research**
- Penulis | **Norman K. Denzin & Yvonna S. Lincoln**
- ISBN | **9781483349800**
- No. Panggilan | **H62 S54 2018**
- Lokasi | **Tingkat 2, Shah Alam**
- Tahun terbitan | **2018**
- Edisi | **5th**

The substantially updated and revised Fifth Edition of this landmark handbook presents the state-of-the-art theory and practice of qualitative inquiry. Representing top scholars from around the world, the editors and contributors continue the tradition of synthesizing existing literature, defining the present, and shaping the future of qualitative research. The Fifth Edition contains 19 new chapters, with 16 revised—making it virtually a new volume—while retaining six classic chapters from previous editions.




- Judul | **Technical Drawing with Engineering Graphics**
- Penulis | **Frederick E Giesecke**
- ISBN | **9780134306414**
- No. Panggilan | **T353 T33 2016**
- Lokasi | **Tingkat 2, Bestari Jaya**
- Tahun terbitan | **2016**
- Edisi | **15th**

The fifth edition of Technical drawing with Engineering Graphics continues its long history as an introduction to technical drawing and easy-to-use reference for techniques and practices. Reviewers advised us on how to make Technical Drawing with Engineering Graphics a superb guide and resource for today's students. New content includes expanded coverage of 3D design and modeling techniques. This book also updated introduction that illustrates the design documentation process.



- Judul | **Lippincott Review Series: Pediatric Nursing**
- Penulis | **Mary Muscari**
- ISBN | **9781451194289**
- No. Panggilan | **RJ245 M87 2016**
- Lokasi | **Tingkat 1, Shah Alam**
- Tahun terbitan | **2016**
- Edisi | **5th**

Lippincott's Review Series is designed to help you in your study of the key subject areas in nursing. This book was planned and developed in response to your request for comprehensive outline review books that address each major subject area and also contain a self-test mechanism. These book meet the need for strong and weak areas of knowledge. Each book is a complete source for review and self-assessment of a single core subject.



- Judul | **Material Science and Engineering**
- Penulis | **William D. Callister Jr. & David G. Rethwisch**
- ISBN | **9781118319222**
- No. Panggilan | **TA403 C35 2015**
- Lokasi | **Tingkat 2, Bestari Jaya**
- Tahun terbitan | **2015**
- Edisi | **9th**

In this ninth edition have retained the objectives and approaches for teaching materials science and engineering that were presented in previous editions. The first, and primary objective is to present the basic fundamentals on a level appropriate for university/college student who have complete their freshman calculus, chemistry and physics courses. The second objective is to present matter in a logical order. The third objective or philosophy to maintain throughout the text is that if a topic or concepts is worth treating.

BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL

BORROWING OF LIBRARY BOOKS BY POST



- 1 Eligible members can request to have Library books delivered by post. However, this service is **available within Malaysia only**. (Not available for those who are staying in Kuala Selangor, Shah Alam and Klang area*)
- 2 Library members can borrow up to **three (3) books from the Open Shelf Collection at one time**.
- 3 Postage will be made on **Tuesday and Thursday only**.
- 4 **Delivery postage charges/cost will be borne by library members.**



Fill up the **Borrowing Form** by scanning the **QR code** or go to rb.gy/jrbwzw

unisel library



<http://library.unisel.edu.my>



unisel library

- 1 Fill up the **Return Form** by scanning the QR code or go to <https://rb.gy/jykb7j>



Return borrowed books by post to* :-

2a Unit PPM, Perpustakaan UNISEL, Universiti Selangor, **Kampus Bestari Jaya**, Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor. (Attn.: Pn Nur Adna Binti Roduan)

OR

2b Unit PPM, Perpustakaan UNISEL, Universiti Selangor, **Kampus Shah Alam**, Jalan Zirkon A/7A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor. (Attn.: Pn Khuzaimah Binti Zakaria)

RETURNING OF LIBRARY BOOKS BY POST



* Return postage charges/cost will be borne by borrower (student/staff)

unisel library



<http://library.unisel.edu.my>



unisel library